Majlis Bacaan Yaasin dan Tazkirah melibatkan penceramah jemputan daripada Jabatan Agama Islam Negeri Perak untuk sesi perkongsian ilmu antara warga dalaman.

MESUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI (JPN) NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Mesuarat Jawatankuasa Perancang Negeri telah diadakan sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2019. Berikut merupakan senarai kertas kerja yang dibawa dan dibincangkan semasa Mesuarat Jawatankuasa Perancang Negeri iaitu:-

Bil.	Kertas Kerja
1.	Terma Rujukan Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)
2.	Terma Rujukan Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian)
3.	Draf Rancangan Tempatan Ipoh 2020 (Pengubahan 8) <i>Pindaan Sebahagian Zon Guna Tanah Bagi Blok Perancangan 1 hingga 6</i> <ul style="list-style-type: none"> - Pemakluman Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran; dan - Kelulusan dan Pewartaan Draf RT Ipoh 2020 (Pengubahan 8)
4.	Draf Rancangan Kawasan Khas Pekan Ipoh - Bandar Warisan Bijih Timah 2020 (Pengubahan) <ul style="list-style-type: none"> - Pemakluman Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran - Kelulusan dan Pewartaan Draf Rancangan Kawasan Khas (DRKK) Pekan Ipoh - Bandar Warisan Bijih Timah 2020 (Pengubahan)
5.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2020 (Pengubahan 5) <ul style="list-style-type: none"> - Pemakluman Laporan Publisiti, Bantahan dan Representasi (LPBR) - Kelulusan dan Pewartaan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2020 (Pengubahan 5)
6.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Pengubahan 3)
7.	Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2025 (Pengubahan 1 dan Pengubahan 2) <ul style="list-style-type: none"> - Pemakluman Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran - Kelulusan dan Pewartaan Draf Rancangan Tempatan Daerah Majlis Daerah Batu Gajah 2025 (Pengubahan 1 dan Pengubahan 2)
8.	Laporan Hasil Pengukuran Indeks Kemampunan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia 2.0 (MURNInets 2.0) Negeri Perak Tahun 2018
9.	Garis Panduan Kawalan Hakisan Berikutan Dari Pembangunan Di Kawasan Pantai (Had Anjakan)
10.	Draf Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 (Kajian Semula) <ul style="list-style-type: none"> - Pemakluman Laporan Publisiti dan Bantahan Awam Draf Rancangan Struktur Negeri Perak 2040; dan - Kelulusan Draf Rancangan Struktur Negeri Perak 2040.



Mesuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Negeri Perak Darul Ridzuan

11.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035 (Pengubahan) - Cadangan Pengubahan Blok Perancangan Kecil (BPK) 2.1 – Bukit Jana, BPK 2.2 – Kamunting, BPK 5.3 – Kurnia Jaya dan BPK 5.5 – Paduka Setia
12.	Draf Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak (Pindaan) 2019
13.	Projek Sambungan Paip Gas Daripada Ayer Tawar, Manjung Ke Lembah Kinta Oleh Gas Malaysia Berhad - Kertas Pemakluman
14.	Garis Panduan Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia (EESIM)
15.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Bandar Intergrasi Hub Getah Melalui Serah Balik Dan Berimilik Semula Di Bawah Seksyen 204D (KTN 1965) Di Atas PT 10477 Dan PT 10478 Seluas 845.36 Ekar, Mukim Bidor, Daerah Batang Padang Untuk Tetuan Premium Medical Products Sdn. Bhd.
16.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Pengubahan 3) Pemakluman Laporan Publisiti, Bantahan dan Representasi bagi Cadangan Pengubahan Zon Guna Tanah di Sebahagian Blok Perancangan Kecil (BPK): i. BPK 2.1 Gopeng - Kopisan - Lawan Kuda di atas lot 220228 Mukim Teja; ii. BPK 3.4 - Malim Nawar di atas lot bersebelahan 123217, Mukim Kampar; iii. BPK 3.9 - Mambang Diawan di atas lot 56547, Mukim Kampar; dan iv. BPK 3.10 - Ayer Hitam Labu -Tronoh Mines di atas lot 307328, Mukim Kampar.
17.	Cadangan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Perak - Penubuhan Panel Penilai Laporan SIA - Senarai Projek-Projek Pembangunan Untuk Dinilai
18.	Draf Terma Rujukan Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian).
19.	Draf Terma Rujukan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035 (Penggantian)
20.	Draf Rancangan Tempatan Muallim 2035. - Kelulusan ke atas Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran
21.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Bagan Datuk 2035. - Kelulusan Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran; dan - Kelulusan dan Pewartaan Draf RT Daerah Bagan Datuk 2035.
22.	Draf Garis Panduan Perancangan Ladang Solar Negeri Perak.
23.	Terma Rujukan Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan - Kertas Pemakluman
24.	Pemakluman Pelan Perancangan Strategik (2020-2025) Bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) - Kertas Pemakluman



Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Negeri Perak Darul Ridzuan



BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PROJEK KHAS

KALENDAR AKTIVITI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN & PROJEK KHAS TAHUN 2019

KALENDAR AKTIVITI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN & PROJEK KHAS TAHUN 2019

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BAGAN DATUK 2035				
	TARIKH	PERKARA	TEMPAT	CATATAN
1	29 Januari 2019	Mesyuarat Persediaan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Bil.1	Bilik Mesyuarat Seri Siantan, MPTI	
2	22 Februari 2019	Mesyuarat Persediaan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Bil.2	Bilik Mesy. Royal Belum, PLANMalaysia@Perak	
3	2 Mei 2019	Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam (2 Mei 2019 - 2 Jun 2019)	BD Walk (Waterfront Bagan Datuk)	Dirasmikan oleh Yang Dipertua MPTI, Tuan Azizan Bin Hj. Abd. Muin
4	8 Julai 2019	Mesyuarat Pra Jawatankuasa Siasatan Tempatan & Pendengaran (Pra-JSTP)	Bilik Mesy. Royal Belum, PLANMalaysia@Perak	
5	5 Ogos 2019	Sesi Pendengaran dan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan & Pendengaran (JSTP)	Bilik Lembaga Rayuan, PLANMalaysia@Perak	Dipengerusikan oleh YB Yoo Choo Kiong
6	12 September 2019	Mesyuarat Pindaan Terhadap Laporan Draf RT berdasarkan keputusan Syor JSTP pada 5 Ogos 2019.	Pejabat Perunding, IZM Consult Sdn. Bhd., Shah Alam	
7	25 Novermber 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil.4/2019	Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan, PSUK	LKJSTP & Draf RT Daerah Bagan Datuk 2035 diluluskan.

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BAGAN DATUK 2035 Mesyuarat Jawatankuasa Publisiti & Penyertaan Awam

Pada 29 Januari 2019, Mesyuarat Persediaan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Bil.1 bagi Draf RTDBD2035 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Seri Siantan, MPTI. Pada 22 Februari 2019, Mesyuarat Persediaan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Bil.2 bagi Draf RTDBD2035 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia@Perak. Akhbar Sinar Harian dan New Straits Time (NST) telah dilantik bagi menyiar Notis Siar Akhbar bagi Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RTDBD2035 untuk 3 keluaran siaran iaitu 2 Mei 2019, 16 Mei 2019 & 27 Mei 2019 dengan bayaran RM6,716.10 (Sinar Harian-Bahasa Melayu) dan RM10,913.75 (nst-Bahasa Inggeris). Pada 24 April 2019, Syarikat Percetakan PMI telah dilantik untuk kerja-kerja Cetakan & Membekalkan Bahan-Bahan Program Publisiti & Penyertaan Awam seperti Bunting/Streamer, Laporan Publisiti & Representasi (LPR), Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan & Pendengaran (LKJSTP) dan

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BAGAN DATUK 2035 Program Publisiti & Penyertaan Awam

Pada 2 Mei 2019, Program Publisiti dan Penyertaan Awam telah diadakan di BD Walk (Waterfront Bagan Datuk) yang telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPTI, Tuan Azizan Bin Hj. Abd. Muin. Program ini berlangsung selama sebulan bermula 2 Mei 2019 sehingga 2 Jun 2019. Sepanjang program ini berlangsung orang awam atau pertubuhan/persatuan boleh melihat dan menyatakan pandangan ataupun bantahan di 3 lokasi utama pameran melalui Borang Bantahan yang disediakan di Ruang Legar MPTI, Ruang Legar Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk dan juga Ruang Aras 3, PLANMalaysia@Perak.



Ruang Pameran di Majlis Perbandaran Teluk Intan




Ruang Pameran di Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk

Ruang Pameran di PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan)

MESUARAT PRA JSTP Bilik Mesyuarat Royal Belum

Pada 8 Julai 2019, Mesyuarat Pra Jawatankuasa Siasatan Tempatan & Pendengaran (JSTP) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia@Perak bagi membincangkan dan memuktamadkan Laporan Publisiti dan Representasi (LPR) untuk dibentangkan dalam Sesi Pendengaran & Mesyuarat JSTP.



Mesyuarat Pra-JSTP dipengerusikan oleh Encik Khairil B. Khalid yang dihadiri oleh pasukan kajian termasuk MPTI, Pejabat Daerah & Tanah Bagan serta agensi teknikal berkaitan.

MESUARAT JSTP Bilik Lembaga Rayuan

Pada 5 Ogos 2019, Sesi Pendengaran dan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan & Pendengaran (JSTP) telah diadakan di Bilik Lembaga Rayuan, PLANMalaysia@Perak dipengerusikan oleh Encik YB. Yong Choo Kiong (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baru) yang dihadiri oleh pasukan kajian serta agensi teknikal berkaitan bagi mendengar cadangan/bantahan daripada pembantah-pembantah yang telah mengemukakan borang bantahan mereka sebelum ini dan juga mesyuarat membincangkan dan memuktamadkan Syor JSTP untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).



Sesi Pendengaran & Mesyuarat Pra-JSTP dipengerusikan oleh Encik YB. Yong Choo Kiong yang dihadiri oleh pasukan kajian serta agensi teknikal berkaitan.

MESYUARAT PINDAAN DRAF RT Pejabat Perunding IZM Consult Sdn. Bhd.

Pada 12 September 2019, Mesyuarat Pindaan Terhadap Laporan Draf RT telah diadakan di Pejabat Perunding IZM Consult Sdn. Bhd. yang dipengerusikan oleh Encik Khairil b. Khalid dan Puan Norhayati Bt. Abu Bakar yang dihadiri oleh pasukan kajian bersama perunding IZM bagi membincangkan dan meminda laporan Draf RT berdasarkan keputusan Syor JSTP sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).



Mesyuarat Pindaan Terhadap Laporan Draf RT diadakan di pejabat perunding.

MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI (JPN) Bilik Gerakan Negeri, PSUK

Pada 25 November 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil.4/2019 yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Negeri Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Azumu telah meluluskan Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (LKJSTP) dan laporan Draf RT Daerah Bagan Datuk 2035 untuk diangkat ke MMKN untuk pewartaan.



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2035

Program Publisiti / FGD Awal

Pada 7 Ogos 2019, Program Publisiti Awal dan Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) bagi kajian Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035 (RTDKK2035) telah diadakan di Dewan Jubli Perak, Daerah Kuala Kangsar bersama Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK), Pejabat Projek Zon Tengah (PPZT) dan juga wakil-wakil penduduk.



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2035

Mesyuarat Semakan & Penyelarasian Terma Rujukan (TOR)

Kajian Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035 telah dimulakan dengan menjalankan Mesyuarat Semakan Terma Rujukan (TOR) yang diadakan pada 20 September 2019 di Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Mesyuarat Penyelarasian TOR pada 24 September 2019 bertempat di Pejabat Projek Zon Tengah, Wisma Tun Sambanthan, Kuala Lumpur.



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA KANGSAR 2035

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bilik Gerakan Negeri, PSUK

Pada 25 November 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.4/2019 melalui Kertas Bilangan 2 telah bersetuju meluluskan Terma Rujukan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035 dengan Kos Pengurusan sebanyak RM200,000 ditanggung oleh Kerajaan Negeri Perak.



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KERIAN 2035

Sesi Pendengaran Awam & Mesyuarat J/K Siasatan Tempatan & Pendengaran RTD Kerian 2035

Pada 18 Disember 2019, Sesi pendengaran awam dan mesyuarat jawatankuasa siasatan tempatan dan pendengaran RTD Kerian 2035 telah dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baru Perak, Paul Yong Choo Kiong.



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KERIAN 2035			
BIL	TARIKH	PERKARA	TEMPAT
1	30/09/2019	MESY. PRA JSTP RTD KERIAN 2035 BIL 1/2019	BILIK MESY. ROYAL BELUM
2	26-28/11/2019	MESY. SEMAKAN & PINDAAN BAGI MEMUKTAMADKAN LAPORAN DRT DAERAH KERIAN	INTIM
3	18/12/2019	SESI PENDENGARAN AWAM & MESY. J/K SIASATAN TEMPATAN & PENDENGARAN RTD KERIAN 2035	BILIK MESY. MD KERIAN

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG			
BIL	TARIKH	PERKARA	TEMPAT
1	19-20/09/2019	'WORKING SESSION BIL.2/2019	TKT. 21, WISMA TUN SAMBANTHAN, K.LUMPUR
2	20/09/2019	MESY. PASUKAN KAJIAN BAGI PENYEDIAAN LAPORAN REKA BENTUK	TKT. 21, WISMA TUN SAMBANTHAN, K.LUMPUR
3	06/11/2019	MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN TEKNIKAL (JPT)	BILIK MESYUARAT ROYAL BELUM, PLANMALAYSIA@PERAK
4	14/11/2019	MESYUARAT KOLOBORASI FGD RTD BATANG PADANG	DEWAN MERDEKA, TAPAH

Pada 14 November 2019, Mesyuarat telah diadakan di Dewan Merdeka Majlis Daerah Tapah dan telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah.





KALENDAR AKTIVITI BAGI UNIT PROJEK KHAS

Senarai Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Khas Yang Diadakan Bagi Tahun 2019

UNIT PROJEK KHAS				
BIL	TARIKH	PERKARA	TEMPAT	CATATAN
1	28/2/2019	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Khas, Bil 1/2019	Bilik Mesyuarat Pangkor , Plan Malaysia@ Perak	Memperakuan Pelan Susun Atur RPT :- 1.Simpang Kampong Banjar, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak. 2. Langkap Permai , Mukim Changkat Jong, Daerah Hilir Perak.
2	16/8/2019	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Khas, Bil 2/2019	Bilik Mesyuarat Royal Belum, PlanMalaysia@Perak	Memperakuan Pelan Susun Atur RPT:- Bagan Lalang Mukim Hutan Melintang,Daerah Bagan Datok.
3	19/12/2019	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Khas, Bil 3/2019	Bilik Gerak, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak	Memperakuan Pelan Susun Atur RPT (Swasta) Ampang , Mukim Sungai Raia, Daerah Kinta.

KALENDAR AKTIVITI BAGI UNIT PROJEK KHAS

Mesyuarat Teknikal, Laporan Cadangan Pembangunan, Pelan Konsep Pembangunan dan Pelan Susunatur Antara Disediakan Oleh Unit Projek Khas.



KALENDAR AKTIVITI BAGI UNIT PROJEK KHAS

Senarai Permohonan Yang Diterima Oleh Unit Projek Khas Bagi Tahun 2019

BIL	TARIKH	TAJUK PROJEK
1	26/3/2019	RTB Di Wilayah Kampong Serdang Bali,Mukim Tanjung Tualang, Daerah Kinta.
2	13/4/2019	RPT (In-situ) ,Di atas lot 1942, Wilayah Kampong Tanjung Rambai, Mukim Gerik,Daerah Hulu Perak.
3	3/5/2019	RPT Bagan Lalang,Mukim Hutan Melintang, Daerah Bagan Datok.
4	30/8/2019	RTB di Wilayah Parit 13 dan 14, Mukim Bota, Daerah Perak Tengah.
5	4/10/2019	RPT Tradisional (In-situ) ,Di Wilayah Kampong Tanjung Rambai, Mukim Gerik,Daerah Hulu Perak.
6.	8/11/2019	RPT (Swasta) Di Atas Tanah Kerajaan di Wilayah Ampang, Mukim Sungai Raia, Daerah Kinta.



Lawatan Tapak Agensi Teknikal Bersama Unit Projek Khas



KALENDAR AKTIVITI BAGI UNIT PROJEK KHAS


Senarai Pelan Konsep Pembangunan Dan Rekreasi Yang Disediakan Oleh Unit Projek Khas Bagi Tahun 2019

BIL	TARIKH	TAJUK PROJEK
1.	Januari 2019	Kolam Air Panas Kampong Ara Payung, Manong, Daerah Kuala Kangsar.
2.	April 2019	Tempat Letak Kereta Ibu Pejabat Polis Daerah IPOH
3.	June 2019	Kolam takungan JPS, Taman Indah, Tanjung Rambutan, Mukim Hulu Kinta.
4.	September 2019	Rizab Hutan Bukit Keledang,



KALENDAR AKTIVITI BAGI UNIT PROJEK KHAS


Penyediaan “Coffee Table Book” Morfologi Pembangunan Pekan-Pekan Kecil Negeri Perak (Manong, Malim Nawar, Chenderiang, Pengkalan Hulu dan Kuala Sepetang)





KAWALAN PERANCANGAN

Pada tahun 2019, sebanyak 1,859 permohonan telah diproses sehingga bulan Disember 2019 oleh jabatan ini. Permohonan yang telah diproses adalah terdiri daripada Susun Atur (337), Pelan Pinta Ukur (69), Permohonan Tanah (1,370), Pampasan Tanah (19) dan Ulasan terhadap EIA (64).



Bulan	Susun Atur (SA)	Pinta Ukur (PU)	Permohonan Tanah (PT)	Pampasan Tanah (PP)	EIA	Jumlah
Januari	34	7	130	2	6	179
Februari	26	5	123	1	4	159
Mac	26	6	107	0	7	146
April	24	8	88	4	4	128
Mei	21	7	62	1	1	92
Jun	16	3	81	0	7	107
Julai	49	6	190	1	1	247
Ogos	36	4	112	5	9	166
September	27	7	110	5	7	156
Oktober	28	7	131	0	11	177
November	36	8	197	0	4	245
Disember	14	1	39	0	3	57
Jumlah Keseluruhan	337	69	1370	19	64	1859

Jadual menunjukkan jumlah permohonan perancangan yang diproses bagi tempoh Januari hingga Disember 2019:-

MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERANCANGAN

Pengarah PLANMalaysia@Perak berperanan sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi kawasan di luar Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan subseksyen 5(2) Akta 172. Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perancangan (JKP) telah diadakan sebanyak 6 kali dan keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

BIL	BIL. MESYUARAT / TARikh	BIL. KERTAS PERMOHONAN	KEPUTUSAN MESYUARAT		
			LULUS	TOLAK	TANGGUH
1.	BIL. 1/2019 27 Februari 2019	4	4	-	-
2.	BIL. 2/2019 29 April 2019	4	4	-	-
3.	BIL. 3/2019 26 Jun 2019	3	2	-	1
4.	BIL. 4/2019 30 Ogos 2019	3	-	2	1
5.	BIL. 5/2019 31 Oktober 2019	8	-	-	8
6.	BIL. 6/2019 20 Disember 2019	4	-	-	4
JUMLAH		26	10	2	14

GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI PERAK SERTA KADEAH KAWALAN PERANCANGAN

Jadual berikut menunjukkan Garis Panduan Perancangan Dan Piawaian Perancangan yang digunakan di Negeri Perak :

1.	GP Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
2.	GP & PP Pembangunan Di Kawasan Persisiran Pantai	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
3.	PP Kemudahan Asas Dan Fizikal Berkaitan Program Rakan Muda	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
4.	GP Perancangan Perusahaan Ternakan Khinzir	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
5.	PP Tempat Ibadat Islam	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
6.	PP Tapak Pencawang Elektrik	Bil.1/1998 19.2.1998	Bil.1348 8.9.1999
7.	GP Perancangan Tapak Incinerator	Bil.1/1998 19.2.1998	Bil.1348 8.9.1999
8.	GP Tapak Pelupusan Sisa Toksid dan Sisa Pejejal	Bil.1/1998 19.2.1998	Bil.1348 8.9.1999
9.	GP Perancangan Perumahan Pekerja Kilang	Bil.2/1998 29.6.1998	Bil.1348 8.9.1999
10.	PP Kawasan_Perindustrian	Bil.2/1998 29.6.1998	Bil.1348 8.9.1999
11.	GP Untuk Pengelasan Cerun Bukit Batu Kapur dan Zon Keselamatan	Bil.4/1998 12.11.1998	Bil.1348 8.9.1999
12.	GP Perancangan Tanah Perkuburan Islam Dan Bukan Islam	Bil.1/1999 23.2.1999	Bil.1348 8.9.1999
13.	GP Laporan Cadangan Pemajuan	Bil.1/1999 23.2.1999	Bil.1348 8.9.1999
14.	PP Tanah Lapang & Rekreasi	Bil.2/1999 25.5.1999	Bil.1348 8.9.1999
15.	GP & PP Taman Industri Teknologi Tinggi & Rumah Pekerja	Bil.1/2003 29.1.2003	Bil.1348 8.9.1999
16.	GP Pembangunan Perumahan	Mesyuarat JK Perancangan & Pembangunan JPBD.Pk Bil.3/99 Bertarikh 25.10.1999	
17.	GP Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan Perumahan Sedia Wujud Tanpa Kebenaran	Bil.2/2000 28.8.2000	Bil.1379 28.2.2001
18.	GPP Pembangunan Sejagat (Edisi Kedua)	Bil.1/2001 12.2.2001	Bil.1398 17.7.2002
19.	GP & PP Kawasan Pantai	Bil.2/2002 5.6.2002	Bil.879/2002 27.11.2002
20.	GP Perancangan Kemudahan Pembetungan	Bil.3/2002 21.8.2002	Bil.84/2003 12.2.2003

GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI PERAK SERTA KADEAH KAWALAN PERANCANGAN

BIL	GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP)/ PIAWAIAN PERANCANGAN (PP)	KELULUSAN JPN	KELULUSAN MMKN
21.	GP & PP Kawasan Tasik	Bil.3/2002 21.8.2002	Bil.85/2003 19.2.2003
22.	GP & PP Tanah Lapang & Rekreasi	Bil.3/2002 21.8.2002	Bil.86/2003 19.2.2003
23.	GPP Kawasan Rizab Sungai Sebagai Sebahagian Tanah Lapang Awam	Bil.2/2003 26.3.2003	-
24.	PP Kedai Kos Rendah (Kedai Rakyat) -PLANMalaysia@Perak	Bil.1/2006 6.4.2006	Bil.1497 10.5.2006
25.	GPP & Pembangunan Taman Awam & Rekreasi Bertema	Bil.2/2005 16.6.2005	Bil.1482 7.9.2006
26.	GP & PP Reka Bentuk Imej Bandar	Bil.2/2005 16.6.2005	Bil.1482 7.9.2006
27.	GP Keperluan Kebenaran Merancang Bagi Aktiviti Asrama Pekerja & Pelajar di Premis Kediaman -PLANMalaysia@Perak	Bil.1/2007 26.2.2007	Bil.1521 23.5.2007
28.	GPP Papan Iklan Luar	Bil.2/2009 14.8.2009	Bil.1599 3.11.2009
29.	GPP Pembangunan di Kawasan Bukit & Tanah Tinggi	Bil.1/2010 18.3.2010	Bil.1622 26.5.2010
30.	Panduan Pelaksanaan Pengecualian Kebenaran Merancang (ExPA)	Bil.3/2011 12.12.2011	Dipersetujui untuk digunakan di Negeri Perak tanpa perlu kelulusan MMKN
31.	Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui CPTED	Bil.1/2012 9.4.2012	Dipersetujui untuk digunakan di Negeri Perak tanpa perlu kelulusan MMKN
32.	GPP Gated Community & Guarded Neighbourhood	Bil.3/2010 16.12.2010	Bil.1725 5.12.2012
33.	GPP Kejiranan Hijau	Bil.1/2012 21.5.2012	Bil.1725 5.12.2012
34.	GPP Pembangunan Semula Kawasan Brownfield	Bil.2/2012 8.10.2012	Bil.1725 5.12.2012
35.	GPP Reka Bentuk Sejagat	Bil.2/2012 8.10.2012	Bil.1725 5.12.2012
36.	GP & PP Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) & Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) -PLANMalaysia@Perak	Bil.1/2012 21.5.2012	Bil.1725 5.12.2012
37.	GPP Premis Burung Walit (Swiftlet) Neg. Perak	Bil.1/2011 21.3.2011	Bil.1726 12.12.2012
38.	GPP Ternakan Ikan Hiasan – Ikan Arowana Negeri Perak	-	Bil.1729 23.1.2013
39.	GP Penubuhan Tadika & Taska	Bil.3/2012 10.12.2012	Bil.1734 20.2.2013
40.	GP Penubuhan Tadika & Taska (Syarat-Syarat Penubuhan di Bangunan Bertingkat)	Bil.3/2012 10.12.2012	Bil.1734 20.2.2013

GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI PERAK SERTA KAEDEH KAWALAN PERANCANGAN

BIL.	GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP)/PIAWAIAN PERANCANGAN (PP)	KELULUSAN JPN	KELULUSAN MMKN
41.	GP Taman Atas Bumbung	Bil.1/2013 18.7.2013	Bil.1819 17.6.2015
42.	GP Taman Tema	Bil.1/2013 18.7.2013	Bil.1819 17.6.2015
43.	GPP Terminal Kenderaan Berat	Bil.2/2013 26.9.2013	Bil.1819 17.6.2015
44.	GPP Lorong Belakang	Bil.2/2016 20.6.2016	Bil.1865 27.7.2016
45.	GPP Kemudahan Masyarakat	Bil.2/2016 20.6.2016	Bil.1865 27.7.2016
46.	GPP Kawasan Perdagangan	Bil.1/2017 27.2.2017	Bil.1895 12.4.2017 (Edisi 2016)
47.	Manual SIA (Edisi Kedua)	Bil.3/2017 7.11.2017	Bil.1928 24.1.2018
48.	GPP Kawasan Perdagangan (Perubahan & Addendum)	Bil.3/2017 7.11.2017	Bil.1928 24.1.2018
49.	GPP Padang Golf	Bil.2/2018 27.8.2018	Bil.1959 23.1.2019
50.	GPP Tempat Letak Kenderaan	Bil.2/2018 27.8.2018	Bil.1959 23.1.2019
51.	GPP Fizikal Warga Emas	Bil.3/2018 8.11.2018	Bil.1959 23.1.2019
52.	GPP Chalet Atas Air	Bil.3/2018 8.11.2018	Bil.1959 23.1.2019
53.	GPP Ladang Solar Negeri Perak	Bil.4/2019 25.11.2019	Bil.1995 1.7.2020

KAEDAH DAN ENAKMEN KAWALAN PERANCANGAN

Jadual berikut menunjukkan Kaedah Kawalan Perancangan yang digunakan di Negeri Perak

BIL	KAEDAH DAN ENAKMEN	TARIKH WARTA	TARIKH KUATKUASA	CATATAN
1.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak 1991	27.6.1991	27.6.1991	Pk.PU.21
2.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak (Pindaan) 1993	9.11.1995	9.11.1995	Pk.PU.15
3.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak (Pindaan) 2000	2.3.2000	2.3.2000	Pk.PU.3
4.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak (Pindaan) 2005	22.12.2005	22.12.2005	Pk.PU.38
5.	Kaedah-Kaedah Kawalan Kawalan Perancangan (AM) Negeri Perak 2010	30.12.2010	30.12.2010	Pk.PU.55
6.	Kaedah-Kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok Negeri Perak 2011	30.12.2011	30.12.2011	Pk.PU.40
7.	Kaedah-Kaedah Rancangan Kawasan Khas Negeri Perak 2013, Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pengurusan Pesisiran Pantai) Negeri Perak 2013, Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit) Negeri Perak 2013 & Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah dan Bangunan Yang Mempunyai Kepentingan Sejarah Atau Seni Bina) Negeri Perak 2013	15.8.2013	15.8.2013	Pk.PU.41- 44
8.	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013	5.12.2013	1.1.2014	Pk.PU.63 (Caj Pemajuan 25%)
9.	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak (Pindaan) 2014	29.12.2014	1.1.2015	Pk.PU.35 (Caj Pemajuan 10%)
10.	Kaedah - Kaedah Kelayakan Menyediakan & Mengemukakan Pelan, Butir - Butir & Dokumen Untuk Permohonan Kebenaran Merancang Negeri Perak	29.12.2014	29.12.2014	Pk.PU.36
11.	Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 & Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) 2016	23.6.2016	23.6.2016	Enakmen 10 & Enakmen 11
12.	Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522]	2.8.2018	17.1.2018	Pk.PU.44
13.	Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Perak (Pindaan) 2019	28.2.2019	28.2.2019	Pk.PU.6 (Sumbangan Tanah Lapang)
14.	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak (Pindaan) 2019	15.8.2019	15.8.2019	Pk.PU.21 (Caj Pemajuan 7%)

PENGEMASKINIAN PENERIMAAN PELAN PINTA UKUR 2019

Pada tahun 2019, sebanyak 320 penerimaan Pelan Pinta Ukur dari Pihak PBT dan telah dikemaskini sehingga bulan Disember 2019 oleh jabatan ini. Komponen yang telah dikemaskini adalah terdiri daripada Perumahan (169), Perniagaan (37), Perindustrian (19), Pertanian (58), Pembangunan Bercampur (17), Institusi & kemudahan (7) dan Lain-lain (13)

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	KOMPONEN PEMBANGUNAN							
	Perumahan	Perniagaan	Perindustrian	Pertanian	Pembangunan Bercampur	Institusi & Kemudahan	Lain-lain	JUMLAH
MB Ipoh	53	8	12	3	2	3	4	85
MP Manjung	20	16	-	23	3	1	1	64
MP Taiping	40	10	3	19	3	-	1	76
MP Teluk Intan	16	-	1	2	1	-	-	20
MP Kuala Kangsar	2	-	-	-	-	-	-	2
MD Kerian	5	1	-	2	1	-	-	9
MD Batu Gajah	-	-	1	-	1	-	-	2
MD Kampar	12	-	1	3	4	-	2	22
MD Tanjung Malim	-	-	-	1	-	-	-	1
MD Tapah	15	1	-	3	2	3	5	29
MD Perak Tengah	1	-	1	1	-	-	-	3
MD Gerik	5	1	-	-	-	-	-	6
MD Lenggong	-	-	-	1	-	-	-	1
MD Selama	-	-	-	-	-	-	-	-
MD Pengkalan Hulu	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	169	37	19	58	17	7	13	320

* Nota: Lain-lain adalah merangkumi Utiliti dan Infrastruktur, tujuan bangunan, tanah lapang dan rekreasi

PENGEMASKINIAN PENERIMAAN PELAN PINTA UKUR 2019

Pada tahun 2019, sebanyak 212 penerimaan CCC dari Pihak PBT dan telah dikemaskini sehingga bulan Disember 2019 oleh jabatan ini. Komponen yang telah dikemaskini adalah terdiri daripada Perumahan (149), Perniagaan (28), Perindustrian (24), Institusi & kemudahan (10) dan Lain-lain (1)

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	KOMPONEN PEMBANGUNAN							
	Perumahan	Perniagaan	Perindustrian	Pertanian	Pembangunan Bercampur	Institusi & Kemudahan	Lain-lain	JUMLAH
MB Ipoh	-	-	-	-	-	-	-	-
MP Manjung	-	-	-	-	-	-	-	-
MP Taiping	11	-	-	-	-	-	-	11
MP Teluk Intan	15	5	2	-	-	-	-	22
MP Kuala Kangsar	15	2	-	-	-	-	-	17
MD Kerian	7	4	5	-	-	-	-	16
MD Batu Gajah	62	6	17	-	-	7	-	92
MD Kampar	8	7	-	-	-	1	1	17
MD Tanjung Malim	2	-	-	-	-	1	-	3
MD Tapah	1	-	-	-	-	-	-	1
MD Perak Tengah	6	1	-	-	-	1	-	8
MD Gerik	11	3	-	-	-	-	-	14
MD Lenggong	-	-	-	-	-	-	-	-
MD Selama	11	-	-	-	-	-	-	11
MD Pengkalan Hulu	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	149	28	24	-	-	10	1	212

* Nota: Lain-lain adalah pencawang masuk utama/ pengangkutan

PEMANTAUAN AKTIVITI GUNA TANAH DI LUAR KAWASAN PBT DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(2), AKTA 172

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 19 permohonan telah diterima daripada urusetia JKP. Daripada jumlah tersebut, 9 permohonan telah mendapat KM (C1) yang disenaraikan bagi pemantauan aktiviti guna tanah Permohonan Kebenaran Merancang kepada Pengarah perancangan Bandar dan Desa selaku PBPT di bawah subseksyen 5(2), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) melibatkan permohonan di daerah seperti berikut;

Hasil pemantauan mendapati keseluruhan aktiviti guna tanah adalah selaras dengan tujuan permohonan.

Bil	Mukim/ Daerah	Tajuk Permohonan
1	PULAU KAMIRI, KUALA KANGSAR	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembangunan Berskala Besar 'Solar Photovoltaic' Di Atas Lot 3702 (267.39 Ekar)
2	KAMPONG BUAYA, KUALA KANGSAR	Permohonan KM Bagi Cadangan Pembinaan 1 Unit Struktur Telekomunikasi
3	SENGGANG, KUALA KANGSAR	Permohonan KM Bagi Cadadangan Tukar Syarat Pecah Sempadan Daripada Pertanian Kepada Perumahan Lot 14158 (1.05 Ekar)
4	SUNGAI SIPUT, KUALA KANGSAR	Permohonan KM Bagi Cadangan Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan Di Atas Lot 2965 HM 177820 (5 Ekar)
5	PULAU KAMIRI, KUALA KANGSAR	Permohonan KM Bagi Cadangan Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan Pertanian Kepada Bangunan Kediaman Lot 5538 (1.91 E)
6	JAYA BARU, PERAK TENGAH	Permohonan KM Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Plaza TOL Lebuhraya Persisir Barat Lot 6296 (2.663 Ekar)
7	KAMPUNG GAJAH, PERAK TENGAH	Permohonan KM Tujuan Skim Cadangan Tukar Syarat Daripada Pertanian Kepada Ternakan Ayam Lot 4700
8	KAMPUNG GAJAH, PERAK TENGAH	Permohonan KM Tujuan Skim Perumahan Lot 2931,2932,2937
9	SLIM, MUALLIM	Permohonan KM Bagi Cadangan Rancangan Pertanian Berkelompok Kg Chalas Tanah Kerajaan (141.786 Ekar)

PROJEK PEMBANGUNAN ICT (P05) TAHUN 2019

Unit ICT Jabatan telah membentangkan Projek Pembangunan ICT (P05) Tahun 2019 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri (JPICT) yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perak. 2 Projek ICT yang berjaya mendapat kelulusan adalah:

- i. Sistem Pengurusan Kawalan Keselamatan Offsite Backup di PLANMalaysia@Perak dan PerakGIS
- ii. Sistem Pengurusan Rangkaian di PLANMalaysia@Perak



Kemaskini Server Bagi Sistem Pengurusan Rangkaian di PLANMalaysia@Perak.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri (JPICT) yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perak.

PENGURUSAN DAN PELUPUSAN ASET ICT JABATAN

Pengurusan Dan Pelupusan Aset ICT Jabatan (Unit ICT) juga terlibat dalam membantu Unit Pengurusan Aset dalam melaksanakan pelupusan dan perkakasan ICT Jabatan. Pelupusan perkakasan ICT dilaksanakan bagi memastikan Jabatan tidak menyimpan Aset Alih yang tidak boleh digunakan serta dapat menjimatkan ruang simpanan di pejabat.

Bagi Tahun 2019, sebanyak 11 unit set komputer, 1 Unit CPU, 5 unit monitor dan 4 unit Printer telah dilupuskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3 Set Komputer dan 1 unit monitor telah dilupuskan melalui hadiah sumbangan kepada Sekolah SMK Bukit Jana, Taiping pada 5/11/2019.

Serahan perkakasan ini telah dilaksanakan oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Jabatan En. Aizat Bin Mohd Yusof dan Penolong Pegawai Perancang Bandar En Muhammad Fauzy Bin Osman serta wakil daripada Unit Pengurusan Aset Jabatan iaitu En. Mohammad Faizal B Abd Hamid kepada wakil daripada SMK Bukit Jana, Taiping.



PROGRAM JABATAN MENGGUNAKAN DRONE

Unit ICT juga terlibat dalam menjayakan program Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) pada tarikh 11 Oktober 2019 bertempat di Gua Tok Giring Lenggong. Program tersebut Unit ICT berperanan untuk mengambil Foto udara di sekitar Majlis Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia dengan Menggunakan Drone DJI Phantom 4 PRO. Antara yang terlibat adalah Penolong Pegawai Perancang Bandar En Norfaizal Bin Arshad @Ismail sebagai *Pilot* dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat En Aizat Bin Mohd Yusof sebagai *Co -Pilot*. Selain itu, drone juga digunakan untuk lawatan tapak dan pemantauan gunatanah dibawah sub seksyen 5(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172.



Sesi Penerbangan Drone Oleh Unit ICT dalam menjayakan program Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) pada tarikh 11 Oktober 2019 bertempat di Gua Tok Giring Lenggong.

URUSETIA PROGRAM JABATAN

Unit ICT juga terlibat sebagai Urusetia Teknikal bagi Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perak dan Majlis Jasamu Dikenang 2019 & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PLANMalaysia@Perak 2018.



Penglibatan Unit ICT Dalam Program-Program Jabatan

PENGEMASKINIAN PEMBANGUNAN BAGI SISTEM MAKLUMAT GUNA TANAH BERSEPADU (I-PLAN)

Pada tahun 2019, PLANMalaysia telah menjalankan pengemaskinian pembangunan bagi sistem maklumat guna tanah bersepadu (i-plan) merangkumi aktiviti-aktiviti berikut:

Aktiviti	Catatan Aktiviti
Menjalankan Verifikasi Dan Pengumpulan Maklumat Gunatanah Bagi Sistem Maklumat Gunatanah Bersepadu (I- Plan) Bersama 15 PBT	i. Sesi Verifikasi Bil 1/2019 (Data Jul - Dis 2018) diadakan pada 23-25 April 2019 ii. Sesi Verifikasi Bil 2/2019 (Data Jan - Jun 2019) diadakan pada 22-24 Oktober 2019.
Mesyuarat Kumpulan Kerja Data Geospatial Negeri Perak Bagi Pembangunan Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu (I-Plan)	i. Mesyuarat Kumpulan Kerja Data Geospatial Negeri Perak Bil 1/2019 diadakan pada 29 Mei 2019 ii. Mesyuarat Kumpulan Kerja Data Geospatial Negeri Perak Bil 2/2019 pada 12 Disember 2019
Pembetulan dan Penambahbaikan Basemap bagi Pembangunan Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu (I-Plan)	Basemap daerah Muallim & Batang Padang telah selesai dikemaskini.



UNIT PERAK GIS

BENGKEL eDESA

Pada tahun 2019, Unit PerakGIS telah mengadakan Bengkel eDesa bersama ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi Daerah Batang Padang, Kampar dan Muallim. Bengkel ini bertujuan untuk mengemaskini maklumat profil kampung di dalam Sistem Maklumat eDesa yang telah dibangunkan oleh Unit PerakGIS.



Bengkel Pengemaskinian dan Penggunaan Sistem Maklumat eDesa kepada MPKK di Pusat Internet Kampung Tualang Sekah (11 Februari 2019)




Bengkel Pengemaskinian dan Penggunaan Sistem Maklumat e-Desa kepada MPKK bagi Kampung Batu Karang, Sri Malim, Malim Nawar & Jeram (12 Februari 2019)



Bengkel Pengemaskinian Penggunaan Gis Maklumat eDesa kepada MPKK bagi Kampung Changkat Baru, Batu Berangkai, Pulau Pisang, Tanjung Bangkong dan Air Hitam Labu (13 Februari 2019)



Bengkel Pengemaskinian dan Penggunaan Sistem Maklumat eDesa kepada MPKK bagi Kampung di Mini RTC Jelintoh
(14 Februari 2019)



Bengkel edesa Mukim Sungai 20 Mac 2019



Bengkel eDesa Mukim Sungai 02 April 2019



Bengkel Pengemaskinian dan Penggunaan Sistem Maklumat eDesa kepada MPKK bagi Kampung Kelawar, Sungai Behrang, Sungai Dara, Pauh dan Sungai Sekiah pada 24 Jun 2019



Bengkel Pengemaskinian dan Penggunaan Sistem Maklumat e-Desa kepada MPKK bagi Kampung Sungai Bil, Ketoyong, Berop, Lubuk Salak dan FELCRA Seri Gala pada 25 Jun 2019



Bengkel Pengemaskinian dan Penggunaan Sistem Maklumat eDesa kepada MPKK bagi Kampung Balun, Ulu Slim, Pasir Sawa pada 27 Jun 2019



Bengkel Pengemaskinian dan Penggunaan Sistem Maklumat eDesa kepada MPKK bagi Kampung Rasau, Jurong, Kuala Slim dan Klan pada 26 Jun 2019



Bengkel eDesa 13,14 & 18 Mac 2019 di Pusat Internet Air Kuning

LAWATAN UPEN MELAKA KE PERAKGIS PADA 23 SEPTEMBER 2019



Lawatan Pihak UPEN Melaka ke PerakGIS pada 23 September 2019



PENGESAHAN SEMPADAN KAMPUNG HILIR PERAK PADA 03 DESEMBER 2019





SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2019

Konsep sambutan HPBS 2019 adalah bertemakan “Green & Community : Together Is Better” mengambilkira inisiatif yang digariskan di dalam RFN Ke-3 yang komited dalam menangani kesan perubahan iklim negara melalui pengurangan gas rumah hijau dengan penggunaan infrastruktur mampan dan pembangunan bandar rendah karbon. Bagi menyokong tema sambutan PLANMalaysia@Perak dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menyerahkan 50 pokok teduhan tecoma kepada Majlis Daerah Lenggong selaku tuan rumah, 100 anak pokok kelapa kepada Penghulu Mukim Lenggong, 50 anak pokok kelapa kepada Penghulu Pipit dan 50 anak pokok kelapa kepada Penghulu Mukim Temelong yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 300 batang pokok. Manakala bagi simbolik penanaman pokok oleh YB Tuan Haji Zainal Azman bin Abu Seman adalah jenis pokok Bucida Monileti (Pokok Doa).



SAMBUTAN RAMADHAN QAREEM

Menjadi satu kelaziman apabila tibanya bulan kemuliaan iaitu bulan Ramadhan, ahli-ahli KESUBA menyertai Program Tadarus Al-Quran. Bagi tahun 2019, seramai 10 orang lelaki dan lima belas (15) orang perempuan telah terlibat di dalam program ini menjadikan program ini disertai seramai dua puluh lima orang (25). Aktiviti membaca Al-Quran ini telah dijalankan di tingkat 3, PLANMalaysia@Perak iaitu di bilik mesyuarat Gua Tempurung dan bilik Lembaga Rayuan. Selain itu, pihak Biro telah menjemput seorang Amil menerusi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) pada 24 Mei 2019 bagi kemudahan ahli-ahli KESUBA menunaikan ibadah zakat fitrah dan sumbangan wakaf.



Program Tadarus Al-Quran Dan Pembayaran Zakat Fitrah Bagi Tahun 2019.

SAMBUTAN HARI RAYA PLANMALAYSIA@PERAK 2019

Pada 1 Julai 2019, merupakan sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Jabatan yang disambut secara sederhana di Bilik KESUBA dan perkaranan Bahagian Perancangan Korporat di Tingkat 3, PLANMalaysia@Perak. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Pengarah baharu iaitu TPr. Jasmiah binti Ismail yang memulakan tugasannya beliau di jabatan ini. Ahli-ahli telah dijamu dengan juadah makanan utama seperti sate, lemang, rendang ayam, kuih muih, pencuci mulut dan sebagainya. Majlis ini diserikan lagi dengan tambahan menu mee kari oleh penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2018 dan sumbangan menu raya daripada setiap Bahagian. Ahli-ahli KESUBA turut menerima RM5.00 seorang sebagai duit raya yang diserahkan sebaik sahaja Majlis ini tamat dan seramai lima orang ahli telah menerima cabutan bertuah semasa majlis ini berlangsung.



BOOTH DI IPOH FUN RIDE

Pada 3 Mac 2019 bertempat di Persiaran Dataran MBI telah berlangsungnya *Ipooh Fun Ride*. *Ipooh Fun Ride* ini telah menggabungkan aktiviti berbasikal, zumba serta *booth* jualan makanan dan produk pertanian. Biro Ekonomi telah mengambil kesempatan dengan menyertai *booth* dengan menjalankan beberapa aktiviti seperti Dam Ular, Dart, *Guess the Amount* dan *Photo Booth*.



Aktiviti-aktiviti Program Sekitar Persiaran Dataran MBI Semasa Berlangsungnya *Ipooh Fun Ride*.

NGELEWOR MARKET

Pada 16 Disember 2019, Biro Ekonomi telah menganjurkan Ngelewor Market bertempat di ruang parkir, Bangunan Seri Perak. Seramai 30 tapak jualan telah disewakan dengan bayaran RM10.00 setiap tapak. Ngelewor Market yang julung-julung kali diadakan telah mendapat sambutan daripada peniaga luaran serta warga PLANMalaysia@Perak sendiri.

Pelbagai jualan ditawarkan seperti makanan, pakaian, barang terpakai, kosmetik dan penjagaan kecantikan, barang keperluan rumah dan elektronik. Biro ekonomi juga turut mengambil kesempatan untuk menawarkan rawatan urut tapak kaki "foot massage"

yang tidak dapat dilaksanakan di SUKNA dengan bayaran RM10.00. Ngelewor Market telah berjaya menjana sebanyak RM320.00 keuntungan tanpa sebarang modal memandangkan penyediaan meja bagi jualan adalah pinjaman dari pejabat PTG.



Antara Barang-barang Jualan di Ngelewor Market.



PROGRAM 'FIT FOR LIFE' PLAN-MALAYSIA@PERAK 2019

Program 'Fit For Life' ini telah diadakan di Taman Eko Rimba Kledang Saiong, Meru Raya, Ipoh Perak. Program ini merupakan kolaborasi antara biro sukan KESUBA dan Bahagian Perancangan Korporat bersempena Majlis Perhimpunan Warga Bil.2/2019 pada 12 Julai 2019. Aktiviti yang dijalankan adalah Zumba, 'Jungle tracking' dan aktiviti kecergasan.



Warga PLANMalaysia@Perak dalam Program 'Fit For Life'

ZIARAH RAMADHAN

Pihak Biro Sosial dan Kebajikan telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan ahli-ahli KESUBA membuat sumbangan wang dan menginfak barang-barang keperluan harian. Bagi tujuan tersebut, tabung-tabung telah diletakkan di setiap kaunter Bahagian. Jawatankuasa melalui Biro Sosial dan Kebajikan telah berkunjung ke empat lokasi sepanjang bulan Ramadan 1440H untuk menyalurkan sumbangan kewangan, bantuan barang keperluan harian termasuk pakaian terpakai bagi meringankan beban dan sebagai persiapan kepada mereka yang memerlukan bagi menyambut bulan Syawal yang bakal menjelang. Golongan yang mendapat perhatian dan sumbangan ini terdiri daripada mereka daripada Asrama Anak-Anak Yatim dan Miskin Yayasan Nurul Ihsan, Sungai Siput serta tiga keluarga (golongan asnaf dan mempunyai anak autisme) yang menetap di Klebang, Ipoh.



Ziarah Amal di Asrama Anak-anak Yatim dan Miskin Yayasan Nurul Ihsan, Sungai Siput

SUKAN NASIONAL JPBD MALAYSIA KE-19 NEGERI SEMBILAN

Sukan Nasional JPBD Malaysia Ke-19 telah diadakan pada 19-22 Julai 2019 bertempat di Universiti Sain Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan. Seramai 53 atlet PLANMalaysia@Perak telah terpilih untuk mewakili Kontingen Zon Tengah dalam 9 acara sukan utama yang dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, badminton, bola tampar, bowling, futsal, sepak takraw, olahraga dan indoor games (dart & karom). Secara keseluruhannya, pencapaian atlet PLANMalaysia@Perak adalah memuaskan setelah 45% atau seramai 24 orang atlet telah memperolehi pingat bagi acara sukan yang disertai. Kontingen Zon Tengah mendapat tempat ke – 5 keseluruhan dengan memperolehi 1 pingat emas bagi acara karom, 2 pingat perak bagi acara olahraga dan bola jaring serta 2 pingat gangsa bagi acara sepak takraw dan bola tampar wanita. Keputusan keseluruhan sukna ke – 19 adalah seperti berikut:

Juara	Sarawak	5 Emas, 2 Perak & 1 Gangsa	32 mata
Ke – 2	Zon Timur	2 Emas, 5 Perak & 1 Gangsa	26 mata
Ke – 3	Zon Selatan	3 Emas, 1 Perak & 4 Gangsa	22 mata
Ke – 4	Zon HQ	2 Emas, 2 Perak & 1 Gangsa	17 mata
Ke – 5	Zon Tengah	1 Emas, 2 Perak & 2 Gangsa	13 mata
Ke - 6	Zon Utara	1 Perak & 3 Gangsa	6 mata
Ke – 7	Sabah	1 Gangsa	1 mata





Aksi-aksi Sepanjang Berlangsungnya Sukan Nasional PLANMalaysia Ke-19 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan pada 19-22 Julai 2019



2019 EMPLOYEE OF THE MONTH

PLANMalaysia@Perak



NOR FILZA BINTI ABDUL JALIL
PEN. PEG. PERANCANG BANDAR DAN DESA JA29
SESI JANUARI – APRIL 2019




MOHD HAFIZ BIN MOHD GHAZALI
JURUTEKNIK KOMPUTER FT 19
SESI MEI – OGOS 2019

ANUGERAH PERKHIDMATAN

CEMERLANG 2018

Sebagai penghargaan kepada warga yang telah menunjukkan prestasi yang membanggakan, jabatan telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 pada 15 Mac 2019 di Dewan Serbaguna Pejabat Tanah Dan Galian Perak. Seramai 7 orang warga telah menerima anugerah berkenaan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima anugerah.





Laman Web Rasmi

PLANMalaysia@Perak

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
PERAK DARUL RIDZUAN)

Perancangan Melangkuai
Kelaziman
(Planning Beyond Conventional)